

19/08/1998

Rahmat jadi contoh generasi muda

Mohd Fadzil Abd Aziz

KEJAYAAN usahawan Bumiputera menongkah arus tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan untuk menempa nama di persada korporat wajar dijadikan inspirasi dan contoh oleh generasi muda yang ingin menyertai bidang perniagaan.

Generasi muda perlu menghayati ketabahan serta kecekalan usahawan sedemikian yang mampu bersaing dan membina empayar perniagaannya.

Antaranya ialah Pengerusi Eksekutif SRT-Eon Holdings, Datuk Rahmat Ismail, yang bertungkus-lumus selama 25 tahun untuk menapak dalam bidang perniagaan.

Walaupun tidak mempunyai kelayakan akademik yang tinggi, beliau belajar selok-belok perniagaan daripada pengalaman dan kesusahan dalam perniagaan.

"Ini kerana pengalaman berupaya membentuk kesabaran, kecekalan, ketabahan, ketahanan diri, rasa bersyukur dan rasa rendah diri."

"Kita mudah lupa diri dan bersikap sombong apabila mengecap kesenangan kerana berfikiran nikmat itu akan berkekalan selama-lamanya," katanya.

Rahmat menerjah dalam bidang perniagaan dengan jerih-perihnya tanpa bergantung kepada pinjaman wang. Syarikat yang diterajuinya yang dikembangkan secara organik ialah Sri Rahmat Trading Holdings Sdn Bhd, SRT Security Guards Sdn. Bhd, SRT Tarvel & Tours Sdn Bhd, Rahmat Publishing Sdn Bhd dan rangkaian Restoren Sri Rahmat.

Beliau menempuh liku-liku hidup yang penuh ranjau. Beliau pernah menjadi gembala lembu, pekerja kilang, pengayuh beca, polis khas (Special Constable) dan berniaga secara kecil-kecilan.

Walaupun dibesarkan dalam keadaan yang serba kekurangan, beliau membuktikan ungkapan 'di mana ada kemahuan di situ ada jalan'.

Sikap tidak mudah berputus asa, bersabar menerima dugaan, kecekalan hati dan sentiasa bertawakal menjadikan beliau berani menghadapi segala ujian dengan tenang.

"Kita tidak perlu menyesali penderitaan yang dialami tetapi perlu menanamkan azam dan semangat yang kuat untuk berani melakukan perubahan dalam hidup," katanya.

Menurutnya, manusia tidak dapat lari daripada cabaran dan masalah, sebaliknya mereka perlu bertindak dengan berfikir dan berusaha untuk menyelesaikannya dengan baik.

Beliau berjaya membawa dirinya keluar daripada belenggu kemiskinan kepada kehidupan serta kedudukan yang disegani masyarakat.

Walaupun sudah berjaya, Rahmat tidak mengabaikan tanggungjawab sosialnya dalam berbuat kebajikan kepada golongan kurang bernasib baik.

Anak kelahiran Kepala Batas, Alor Star, Rahmat bercita-cita membina rumah anak-anak yatim dan berharap usaha murni itu tercapai dengan bantuan daripada semua pihak.

Sehubungan itu, hasil jualan buku Meniti Derita Ke Puncak mengenai profail dirinya yang ditulis Moktar Petah sebanyak RM100,000 akan didermakan kepada Persekutuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Pulau Pinang.

Sehubungan itu, kerjasama daripada semua pihak terutama golongan korporat diperlukan bagi menjayakan usaha murni itu dalam membantu golongan yang kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim mendapat pembelaan.

Buku Meniti Derita Ke Puncak terbitan Darulfikir dilancarkan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir, baru-baru ini.

Rahmat mula berjinak-jinak dalam bidang perniagaan pada 1973 dengan membuka sebuah kantin di Kem 5 Briged di Lok Kawi, Sabah bermodalkan wang simpanan berjumlah RM2,500. Beliau mendapat dorongan daripada Pengerusi Yayasan Sabah, Datuk Syed Kechik Syed Mohammad, yang menasihatinya supaya berniaga.

Selepas itu, beliau membuka dua kantin iaitu di Rumah Persekutuan dan Institut Teknologi Mara (ITM).

Setelah lima tahun menjalankan perniagaan kantin, beliau mula menjadi wakil tunggal pengedar akhbar Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd dan beberapa akhbar lain di Sabah dan Sarawak serta Brunei Darussalam.

Menurut Rahmat, buku karangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, The Malay Dilema yang diterbitkan pada 1970 juga memberi inspirasi kepada beliau untuk menjalankan perniagaan.

Walaupun pernah mengalami kerugian hampir setengah juta ringgit tertipu dalam urusan perniagaan dan mengharungi pergeseran dalam syarikat yang dipimpinnya, semangat Rahmat tidak pernah luntur.

Beliau memegang teguh prinsip percaya pada diri sendiri, sentiasa berfikiran kreatif, berjimat, berani, berkemahuan, amanah, amanah, jujur, ihsan, saling menghormati dan bertawakal kepada Allah.

(END)